

Submission date: 08/06/2018

Accepted date: 30/08/2018

**TAHAP PERSEDIAAN MAHASISWA PENGAJIAN ISLAM DALAM MENGHADAPI SALAH FAHAM ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP ISLAM***The Preparation Level of Islamic Studies Students in Facing the Misunderstanding of Non-Muslim towards Islam*

Solehah Binti Shamsuddin

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah,

pinkgemstone90@gmail.com

**Abstrak**

Artikel ini bertajuk Tahap Persediaan Mahasiswa Pengajian Islam Dalam Menghadapi Salah Faham Orang Bukan Islam Terhadap Islam. Artikel ini bertujuan menganalisis tahap persediaan mahasiswa Pengajian Islam dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan dengan melihat buku-buku dan sumber-sumber lain serta menemubual sampel seramai 93 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Dapatan menunjukkan tahap persediaan mahasiswa Pengajian Islam dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam adalah rendah berdasarkan analisis soal selidik.

Kata kunci: mahasiswa, salah faham, orang bukan Islam, Islam.

**Abstract**

This article titled the preparation level of Islamic Studies students in facing the misunderstanding of non-Muslim towards Islam. This article is to analyze the preparation level of Islamic Studies students in facing the misunderstanding of non-Muslim towards Islam. The methodology used literature study by looking at books and other resources and interview a sample of 93 students of Bachelor of Islamic Studies. The findings show the preparation level of Islamic Studies students in facing the misunderstanding of non-Muslims towards Islam are low based on questionnaire.

Keywords: student, misunderstanding, non-Muslim, Islam.

**PENGENALAN**

Menurut Mulyadi (2005, h.47) ketika Islam datang ke pangkuan risalah Nabi Muhammad S.A.W, Islam menjadi agama universal atas berbagai suku dan golongan di muka bumi ini dan akan disampaikan kepada manusia sehingga akhir zaman.

Antara tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam ialah dakwah. Menurut Muhammad Yusuf Khalid (2015, h.117) makna dakwah adalah usaha oleh orang Islam untuk membolehkan berkongsi dan memberi manfaat kepada orang lain. Ia juga boleh ditakrifkan

sebagai “jemputan untuk berfikir untuk berdebat dan berdebat”. Ini adalah kerana dakwah merupakan satu keperluan bagi menyebarkan Islam dan untuk menyebarkan dakwah Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Dakwah juga diperlukan untuk membendung salah faham terhadap Islam yang mana ia merupakan perkara yang sudah lama berlaku sama ada salah faham itu datang daripada umat Islam itu sendiri ataupun salah faham orang bukan Islam kepada Islam.

Menurut Abdullah (2017, h.164-166) jika ia melibatkan salah faham umat Islam itu sendiri kepada agama Islam, sebab utamanya ialah kerana kejahilan dalam ilmu agama. Mereka tidak dapat memahami ajaran Islam dengan baik dan akhirnya berprasangka buruk terhadap agama yang dianuti sendiri. Akan tetapi pada zaman kini, salah faham orang bukan Islam terhadap Islam adalah lebih tinggi. Jika terdapat salah faham orang bukan Islam terhadap Islam, ia bukanlah sesuatu yang pelik kerana mereka tidak mempelajari dengan benar apa yang diajarkan oleh Islam.

Menurut Hasan (2008, h.6-11) antara punca salah faham orang bukan Islam terhadap Islam adalah disebabkan oleh media massa, orang bukan Islam yang mempunyai sikap prejudis terhadap Islam dan orang bukan Islam melihat kepada sikap seseorang individu Muslim itu sendiri. Propaganda orang bukan Islam terhadap Islam adalah dengan mengawal media massa dan memburuk-burukkan Islam di segenap sudut sama ada melalui media tradisional atau baharu. Selain itu, terdapat juga sesetengah orang bukan Islam bersikap prejudis terhadap Islam, contohnya dalam beberapa ajaran dan amalan Islam seperti poligami, memakai hijab, berpuasa, hudud dan lain-lain. Disebabkan tiada penerangan yang jelas, akhirnya mereka membuat kesimpulan sendiri dan lahirlah perasaan berprasangka buruk terhadap Islam.

Kadang-kadang juga, orang bukan Islam menilai Islam melalui sikap penganutnya. Menurut Buerah Tunggak (2015, h.4) gejala penagihan dadah semakin hari semakin berleluasa dan menunjukkan peningkatan jumlah kes saban tahun. Merujuk kepada perangkaan yang dinyatakan oleh Abd Bakir Zin selaku Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), jumlah keterlibatan kaum Melayu yang beragama Islam dalam penagihan dadah mencatatkan angka yang tinggi. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PEMADAM, kes penagihan dadah bermula tahun 1998 sehingga tahun 2005, menunjukkan bahawa kaum Melayu mencatatkan angka tertinggi terlibat dalam penagihan dadah dengan 10,621 orang penagih baru dan 11,723 orang penagih berulang yang membawa kepada jumlah keseluruhan penagih Melayu yang terlibat adalah 22,334 orang. Angka ini menunjukkan betapa seriusnya masalah penagihan dadah di Malaysia amnya dan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya. Justeru itu terdapat ramai orang bukan Islam yang mempunyai salah faham terhadap Islam dan akhirnya mereka tidak nampak apa yang indah tentang Islam.

Kemungkinan terdapat banyak lagi punca salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Justeru, kita sebagai umat Islam perlu fikirkan bersama-sama. Kebanyakan orang bukan Islam salah anggap tentang Islam kerana mereka tidak tahu hakikat Islam yang sebenar. Kita sebagai orang Islam perlulah menunjukkan contoh yang baik kepada orang bukan Islam supaya dapat menarik mereka untuk mempelajari Islam sekaligus menjadi seorang Muslim.

Salah faham terhadap Islam bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat bukan Islam, malah sering juga berlaku dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri. Pelbagai tuduhan, tohmahan dan anggapan salah dibuat terhadap Islam yang menggambarkan kesalahfahaman masyarakat terhadap Islam. Semua ini berlaku kerana kejahilan terhadap hakikat agama Islam itu sendiri. Oleh kerana itu, pada zaman kini dakwah Islam terhadap orang bukan Islam sangat

penting supaya dapat menangkis tuduhan negatif dan salah faham yang selalu dilemparkan terhadap Islam.

Tahap persediaan mahasiswa Pengajian Islam dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam menjadi isu apabila kebanyakan mahasiswa Pengajian Islam tidak dapat menjawab soalan berkaitan salah faham orang bukan Islam secara spontan ketika sesi dialog mahasiswa bersama orang bukan Islam. Kebanyakan mahasiswa masih bertanya kepada pensyarah bagi menjawab setiap persoalan salah faham orang bukan Islam. Selain itu, mahasiswa juga masih bergantung kepada skema jawapan buku bagi menjawab setiap persoalan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Justeru, berdasarkan kepada isu-isu ini menunjukkan mahasiswa masih belum bersedia dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Objektif artikel ini adalah untuk mengkaji aspek-aspek berkenaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah, untuk menganalisis salah faham orang bukan Islam terhadap Islam dan untuk merumuskan tahap persediaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Artikel ini penting untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya para mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah tentang tahap persediaan dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Selain itu, artikel ini penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dakwah Islam dan menepis segala persepsi negatif yang diberikan orang bukan Islam terhadap Islam. Walaupun tajuknya seakan perkara yang biasa, tapi ia harus diberi perhatian dan ditonjolkan kerana pada masa sekarang sudah terlalu banyak persepsi negatif yang diperkatakan mengenai Islam dan orang Islam perlu bertindak supaya tidak diperbodohkan atau dihina sesuka hati. Orang Islam tidak boleh menjadi lemah dengan segala tohmahan dan perlu bangkit untuk menegakkan agama Islam.

Artikel ini penting bagi mengkaji dan mengemukakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk menjawab persoalan orang bukan Islam tentang Islam. Ini kerana terkadang orang Islam selalu menjawab persoalan dengan membuta tuli tanpa memikirkan kesan yang akan diterima. Di antara tokoh pendakwah pada zaman kini yang boleh dijadikan pedoman ialah Dr. Zakir Naik yang mana beliau merupakan seorang pendakwah Muslim di India. Setiap persoalan yang diberikan oleh orang bukan Islam terhadap beliau dapat dijawab dengan penuh hikmah malahan juga beliau berjaya menarik orang bukan Islam menjadi seorang Muslim.

Artikel ini juga dapat memberi gambaran positif terhadap Islam bahawa masyarakat Islam begitu peka mengenai isu-isu sensitif atau negatif yang diperkatakan oleh orang bukan Islam terhadap Islam. Ini kerana penulis melihat pada masa sekarang orang Islam seakan membiarkan isu-isu sensitif yang selalu dibangkitkan oleh orang bukan Islam terhadap Islam.

Selain itu, artikel ini juga dapat dijadikan panduan dan sumber ilmu pengetahuan bagi tenaga pengajar yang berkecimpung di dalam dunia dakwah dan mengetahui pendekatan yang sesuai dalam menjawab persoalan mengenai salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Justeru, artikel ini dilakukan supaya ada pihak pendakwah yang mungkin berminat terhadap hasil artikel ini kelak.

## **METODOLOGI**

### **REKA BENTUK**

Secara umumnya, artikel ini merupakan kajian gabungan di antara kualitatif (Burn, 1995), Merriem (1998) dan Yin (1994) dan kuantitatif bagi merumuskan tahap persediaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Dalam usaha mengumpul data-data maklumat tersebut, penulis telah menggunakan dua metode pengumpulan data iaitu kajian kepustakaan Bakar (1987, h.41) dan kaedah temubual. Menurut Koentjaraningrat (1977, h.311) kajian kepustakaan ialah proses pembacaan dan penelitian terhadap buku-buku ilmiah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan artikel menjadi sumber asas dalam pengumpulan data atau maklumat dalam artikel ini. Dalam melihat tahap persediaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam, maka soalan temubual dirangka dalam bentuk pertanyaan di mana responden diminta menjawab soalan temubual secara spontan berdasarkan skala yang disediakan.

Penulis akan menggunakan metode analisis data setelah data-data berjaya dikumpulkan. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan metode-metode tertentu. Bagi penyelidikan kepustakaan, data dianalisis berdasarkan analisis isi kandungan. Bagi penyelidikan lapangan, data dianalisis daripada hasil temubual yang dilakukan kepada responden. Metode yang digunakan ialah metode deskriptif, metode induktif dan metode deduktif. Menurut Ali M (1982, h.120) metode deksriptif adalah metode yang digunakan untuk memecahkan masalah yang dihadapi dalam menempuh langkah-langkah pengumpulan data, klasifikasi, analisis pengolahan dan membuat gambaran tentang suatu keadaan secara objektif dan deskriptif. Menurut Barnadib (1982, h.52-53) metode induktif ialah suatu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Menurut Safi (1998, h.139) metode deduktif ini merupakan suatu bentuk pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum kepada dalil-dalil yang khusus.

### **POPULASI DAN SAMPEL**

Artikel ini melibatkan sampel seramai 93 orang responden daripada jumlah populasi seramai 118 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak yang berada di tahun akhir pengajian. Seramai 50 orang responden mahasiswa perempuan dan 43 orang responden mahasiswa lelaki telah diambil bagi menjalankan sesi temubual ini. Artikel ini menggunakan kaedah rawak berlapis dalam memilih sampel untuk memperolehi data di mana seramai 93 orang responden dipilih sebagai sampel. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan populasi Krejcie Morgan di mana menurut Krejcie (1970) sampel untuk populasi berjumlah 120 orang adalah seramai 92 orang responden.

### **INSTRUMEN**

Artikel ini menggunakan lima soalan soal selidik ketika menjalankan (Patton, 1990) sesi temubual kepada responden. Soalan pertama ialah mengenai sekiranya seorang bukan Islam menyatakan bahawa Islam tersebar dengan ketajaman mata pedang, apakah jawapan anda kepada tohmahan ini, soalan kedua ialah mengenai sekiranya seorang bukan Islam menyatakan bahawa Islam adalah agama yang menggalakkan peperangan dengan menyarankan jihad menentang orang bukan Islam, apakah jawapan anda kepada tohmahan ini, soalan ketiga ialah mengenai sekiranya seorang bukan Islam menyatakan bahawa Islam melakukan kekejaman

dengan mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad, apakah jawapan anda kepada tohmahan ini, soalan keempat ialah mengenai sekiranya seorang bukan Islam menyatakan bahawa Islam melakukan penindasan dengan memerintahkan hukuman potong tangan terhadap pencuri lelaki dan wanita, apakah jawapan anda kepada tohmahan ini dan soalan kelima ialah mengenai sekiranya seorang bukan Islam menyatakan bahawa orang Islam suka berperang sesama sendiri sejak zaman dahulu sehingga sekarang, apakah jawapan anda kepada tohmahan ini.

Artikel ini menggunakan lima tahap skala penilaian iaitu skala 1 menunjukkan responden membuat penafian dengan melakukan penghujahan, skala 2 menunjukkan responden membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana, skala 3 menunjukkan responden membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah, skala 4 menunjukkan responden hanya mengemukakan penafian tanpa hujah dan skala 5 menunjukkan responden enggan menjawab.

### **SOROTAN KARYA**

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, penulis tidak menemui sebarang penulisan mahupun artikel berkaitan dengan tajuk penulis secara khusus. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang boleh dijadikan panduan di antaranya :

Kajian yang dijalankan oleh Shahiful Izuan Bin Ismail (2011) yang bertajuk *Persepsi Mahasiswa Non-Muslim Terhadap Kehidupan Mahasiswa Muslim Di UTM dari Universiti Teknologi Malaysia*. Kajian ini adalah untuk melihat tanggapan mahasiswa *non-Muslim* terhadap kehidupan Muslim di UTM, faktor-faktor penerimaan *non-Muslim* terhadap kehidupan Muslim dan memberi cadangan penambah baikkan persepsi mahasiswa *non-Muslim* terhadap kehidupan Muslim. Metodologi kajian yang digunakan ialah instrumen kajian berbentuk soal selidik yang mengandungi 36 soalan. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian "*Statistical Package For Social Sciences (SPSS)*" versi 16.0. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi mahasiswa *non-Muslim* terhadap kehidupan mahasiswa Muslim adalah di tahap sederhana. Justeru, kajian ini hanya membincangkan persepsi orang bukan Islam terhadap Islam dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Linda Edvardsson pada tahun (2008) yang bertajuk *Islamophobia* dari Malmo University. Kajian ini adalah untuk melihat kefahaman yang lebih mendalam mengenai *Islamophobia* sama ada dari segi isi kandungan, kesan-kesannya dan menganalisis strategi dan usaha yang boleh digunakan untuk mengelakkan dan menghapuskan *Islamophobia*. Metodologi kajian yang digunakan ialah instrumen kajian berbentuk temu bual dan pemerhatian. Kajian ini juga melibatkan pendokumentasian peristiwa sebenar, merakam apa yang orang katakan (dengan kata-kata, gerak isyarat, dan nada), memerhatikan tingkah laku tertentu, dokumen bertulis serta memeriksa visual dan imej. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa istilah *Islamophobia* ini mengganggu masyarakat pelbagai budaya dan etnik dan merupakan kesukaran penting yang perlu ditangani, sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik *Islamophobia* dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Aida Hartini binti Nan dan Mohd Faizal bin Abdul Khir (2016) yang bertajuk *Dakwah Islamiah*. Kajian ini adalah untuk melihat konsep dakwah, rukun dakwah, cabaran-cabaran dakwah dan mempunyai sedikit perbincangan mengenai salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif berkonsepkan teori dakwah melalui Amar Ma'ruf Nahi Munkar. Dapatan kajian yang diperolehi dapat mengetahui cara penyampaian dakwah di zaman nabi Muhammad S.A.W dan cara untuk

berdakwah. Justeru, kajian ini ada membincangkan beberapa topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam dan tidak membincangkannya secara menyeluruh.

Kajian yang dijalankan oleh Ab. Aziz Mohd Zin (2006) yang bertajuk Dakwah Islam di Malaysia. Kajian ini adalah untuk melihat perkembangan, peranan, masalah dan metodologi dakwah yang dibawa dalam Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi ialah dapat mengetahui konsep masyarakat Malaysia dan kepercayaan, perkembangan dakwah di Malaysia, hala tuju dakwah di Malaysia, peranan institusi kerajaan dalam dakwah di Malaysia, peranan institusi bukan kerajaan dalam dakwah di Malaysia, aktiviti dakwah di Malaysia, masalah pelaksanaan aktiviti dakwah di Malaysia dan maklum balas masyarakat terhadap aktiviti dakwah di semenanjung Malaysia. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik perkembangan, peranan, masalah dan metodologi dakwah yang dibawa dalam Malaysia dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Roslan Mohd Nor (2005) yang bertajuk Ekstremisme Rentas Agama Dan Tamadun. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi ialah dapat mengetahui jejak-jejak ekstremisme rentas agama dan tamadun, IS : Ekstremisme Muslim dalam konteks semasa, bagaimana Muslim terlibat dengan ekstremisme terutama IS, refleksi ekstremisme dalam sejarah umat Islam dan menangani ekstremisme atas nama agama. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik ekstremisme dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh, Ahmad Sunawari Long dan Faudzinaim Badaruddin (2009) dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan yang memfokuskan tulisan dan pandangan orang bukan Islam mengenai Islam. Dapatan kajian ini ialah dapat mengetahui sejarah kedatangan Islam ke Malaysia, kedudukan agama Islam di Malaysia, pandangan-pandangan non Muslim mengenai Islam, isu-isu yang dikaitkan dengan proses islamisasi dan kajian mengenai kefahaman Islam di kalangan bukan Islam. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik pandangan non-Muslim mengenai Islam dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Dr. Nur Azuki bin Yusuff yang bertajuk Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya. Kajian ini adalah untuk melihat konflik agama serta hala tuju hubungan antara agama di Malaysia dengan Gagasan 1Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian lapangan yang berbentuk temubual. Dapatan kajian ini ialah dapat mengetahui agama dan kepercayaan di Malaysia, kedudukan agama dalam perlembagaan, isu-isu berkaitan konflik agama dan kedudukan dan hala tuju hubungan antara agama di Malaysia. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik konflik agama serta hala tuju hubungan antara agama di Malaysia dengan Gagasan 1Malaysia dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Khamami Zada (2006) yang bertajuk Jihad : Memperebutkan Makna Perang Suci. Kajian ini adalah untuk mengetahui kesalahfahaman jihad di dalam masyarakat pada zaman dahulu sehingga zaman moden kini dan mencadangkan langkah baru dalam memahami makna jihad. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif. Dapatan kajian ini ialah dapat mengetahui kesalahfahaman makna jihad di antara orang Islam dan bukan Islam dan ia memerlukan analisis sejarah terhadap pandangan jihad serta makna spesifik jihad.

Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik jihad dan tidak menyentuh keseluruhan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Azrinah Binti Abdul Rahah (2009) dari Universiti Teknologi Malaysia yang bertajuk *Persepsi Pelajar Terhadap Dialog Antara Agama: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor*. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama, mengenalpasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama dan faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama. Metodologi kajian yang digunakan ialah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Dapatan kajian ini menunjukkan responden masih kurang terlibat dalam penganjuran dialog antara agama. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik dialog antara agama dan tidak menyentuh topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Zubaidah Ismail (2017) dari Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu yang bertajuk *Keperluan Birokrasi Agama: Pewujudan Kaedah Penentuan Status Agama Islam Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah*. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian perpustakaan. Kajian ini adalah untuk menentukan permohonan status agama Islam di Mahkamah Syariah dan kaitannya dengan jenayah riddah dalam Islam, hukuman terhadap kesalahan murtad, memilih untuk keluar Islam sebagai satu praktis konsep kebebasan beragama di Malaysia, pemakaian bidang kuasa Mahkamah Syariah menentukan status Islam sebagai jalan untuk keluar Islam, birokrasi agama dalam pengurusan pengisytiharan status Islam seseorang dan pewujudan tatacara penentuan status Islam di Mahkamah Syariah; satu keperluan undang-undang. Dapatan kajian mendapati perlunya birokrasi agama untuk mewujudkan satu garis panduan undang-undang tatacara penentuan status agama Islam seseorang. Kajian ini hanya menerangkan satu salah faham orang bukan Islam iaitu mengenai murtad akan tetapi tidak menerangkan hukuman kepada orang yang murtad. Justeru, kajian ini tidak menerangkan secara terperinci salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

Kajian yang dilakukan oleh Achmad Zuhdi (2015) yang bertajuk *Jihad Dalam Pandangan Kaum Teroris Muslim Dan Penerapannya Di Indonesia*. Kajian ini adalah untuk melihat pemahaman jihad dari pandangan ulama serta pemahaman jihad menurut para teroris Muslim di Indonesia. Metodologi kajian yang digunakan ialah metode kualitatif dengan menggunakan analisa dan pendekatan sosiologi. Dapatan kajian menunjukkan pemahaman jihad menurut para ulama adalah berperang di jalan Allah, manakala pemahaman jihad menurut para teroris Muslim di Indonesia adalah berjuang secara bersungguh-sungguh memperjuangkan hukum Allah. Justeru, kajian ini hanya membincangkan topik jihad dan tidak menyentuh keseluruhan topik salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

## **RESPONDEN**

Artikel ini melibatkan sampel seramai 93 orang responden daripada jumlah populasi seramai 118 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak yang berada di tahun akhir pengajian. Seramai 50 orang responden mahasiswa perempuan dan 43 orang responden mahasiswa lelaki telah diambil bagi menjalankan sesi temubual ini. Artikel ini menggunakan kaedah rawak berlapis dalam memilih sampel untuk memperolehi data di mana seramai 93 orang responden dipilih sebagai sampel. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan populasi Krejcie Morgan di mana menurut Krejcie (1970) sampel untuk populasi berjumlah 120 orang adalah seramai 92 orang responden. Kaedah ini adalah bagi merumuskan tahap persediaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam terhadap Islam.

## **SALAH FAHAM ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP ISLAM**

Di dalam artikel ini, penulis telah merungkaikan lima jenis salah faham orang bukan Islam terhadap Islam yang disifatkan sebagai ekstrimis iaitu salah faham Islam tersebar dengan ketajaman mata pedang, salah faham Islam menggalakkan peperangan dengan menyaranakan jihad menentang orang bukan Islam, salah faham Islam melakukan kekejaman dengan mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad, salah faham Islam melakukan penindasan dengan memerintahkan hukuman potong tangan terhadap pencuri lelaki dan wanita dan salah faham orang Islam suka berperang sesama sendiri. Sumber yang digunakan untuk menyusun kelima-lima jenis salah faham terhadap Islam yang disifatkan sebagai ekstrimis adalah melalui kaedah persampelan. Penulis telah membuat persampelan untuk kajian yang dilakukan ini kerana terlalu banyak jenis salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Penyelidik tidak perlu menuju kepada semua subjeknya kerana ini akan melibatkan kos, masa dan tenaga yang banyak. Menurut (Mohd Majid Konting, h.73) daripada ciri-ciri yang telah ditetapkan, jenis-jenis salah faham ini akan dipilih menggunakan persampelan rawak mudah, yang memberi peluang sama-rata kepada semua jenis salah faham yang dipilih.

### **SALAH FAHAM PERTAMA: ISLAM TERSEBAR DENGAN KETAJAMAN MATA PEDANG**

Menurut (Noordin, h.15) sehingga ke hari ini yang berkait rapat dengan umat Islam adalah keganasan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Islam dilihat sebagai agama yang menggalakkan keganasan untuk mencari kebebasan dan keadilan. Ia telah bermula sejak tragedi serangan 9 November berlaku. Walaupun kumpulan Al-Qaeda dikatakan sebagai punca di sebalik kematian 3,000 orang yang tidak bersalah, bagaimanapun kesan media terhadap Islam dan rakyat telah berubah sepenuhnya sejak hari itu.

Menurut Arake (2012, h.204) anggapan bahawa Islam dapat menyebar ke seluruh pelusuk dunia kerana kekuatan pedang dan kekerasan seperti yang banyak ditulis oleh orang-orang fanatik dan benci terhadap Islam, lalu kemudian didedahkan di media massa Barat, adalah anggapan yang keliru. Betapa tidak, Islam adalah agama yang berhasil menyebar ke seluruh dunia melalui argumentasi rasional yang kemudian diterima oleh orang-orang yang berfikir secara rasional pula. Indikasinya adalah bahawa orang-orang Islam tidak pernah memerangi orang bukan Islam apalagi melarang mereka untuk melaksanakan ritual agama yang mereka yakini. Begitu juga orang-orang Islam tidak pernah menyakiti orang bukan Islam apalagi menindas mereka dengan mengusir mereka dari tanah airnya. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya : “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama, dan tidak pula mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangimu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu, dan membantu orang lain untuk mengusirmu. Dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”. (Q.S. Al-Mumtahanah 60: 8-9)

Menurut al-Jawzi (1404H, h.237) ayat di atas merupakan penegasan bolehnya (rukhsah) berinteraksi serta berlaku adil kepada orang bukan Islam yang tidak memerangi orang Islam. Selain itu, ayat di atas bersifat umum dan ertinya tidak mencakup agama tertentu seperti yang dijelaskan oleh Ibn Jarir (1405H, h.66) ketika menjelaskan pandangan para ahli tafsir mengenai maksud dari orang-orang yang tidak dilarang Allah S.W.T berbuat baik kepadanya sesuai dengan kandungan ayat itu sendiri. Menurut Al-Azhari (2012, h.239-242), terdapat paderi Kristian mengulas kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud:



Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tidak turut berjuang (bersama-samamu) dari kalangan kaum-kaum Arab Badwi: “Kamu akan diajak menentang satu kaum (penceroboh) yang sangat kuat gagah supaya kamu memerangnya, atau mereka menurut perintah Islam (secara damai). Jika kamu taat (menjalankan perintah Allah ini), Allah akan mengurniakan kamu dengan balasan yang baik (di dunia dan akhirat), dan kalau kamu berpaling ingkar seperti keingkaran dahulu, nescaya Allah akan menyiksa kamu dengan azab yang tidak terperi sakitnya”. (Q.S. Al-Fath 48: 16).

Terdapat paderi Kristian menumpukan perhatian kepada rangkaian ayat berikut: “Supaya kamu memerangnya, atau mereka menurut perintah Islam (secara damai)” dan menukulkan ulasan yang mengatakan ia tidak sunyi sama ada perang ataupun memeluk Islam dan tidak ada yang lain selain daripada itu. Orang yang selain daripada mereka diperangi sehingga mereka memeluk Islam atau membayar jizyah. Orang-orang musyrikin di negara Arab hendaklah diperangi atau tidak boleh berhenti dari memerangi mereka melainkan setelah mereka memeluk Islam. Bagi golongan Ahli Kitab yang terdiri dari kalangan Yahudi dan Kristian, mereka diberi dua pilihan sama ada memeluk Islam ataupun membayar jizyah. Ia terdapat di dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya: “Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar “jizyah” dengan keadaan taat dan merendah diri”. (Q.S. At-Taubah 9: 29).

Menurut paderi Kristian, mereka mengatakan ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan di Mekah menggalakkan perdamaian, manakala ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan di Madinah menggalakkan peperangan. Dengan kata lain, paderi Kristian beranggapan wujud pertentangan ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan di Madinah adalah menggalakkan peperangan, manakala ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan di Mekah menggalakkan perdamaian.

Penulis tidak bersetuju dengan komentar paderi Kristian di atas kerana perang bukanlah untuk saling membunuh atau mematikan. Ayat perang adalah ayat-ayat untuk saling menjaga kehidupan seseorang. Ayat perang yang dimaksudkan di atas adalah mengenai jihad. Jihad sesungguhnya adalah jihad dalam menghargai kehidupan dan mengatasi kemaslahatan.

### **SALAH FAHAM KEDUA: ISLAM MENGGALAKKAN PEPERANGAN DENGAN MENYARANKAN JIHAD MENENTANG ORANG BUKAN ISLAM**

Menurut Azra (2010, h.17-18), hukum jihad bukan wajib. Jihad menjadi wajib kerana beberapa sebab seperti untuk mengusir orang-orang yang melakukan serangan, menghilangkan fitnah terhadap agama Islam, menyelamatkan orang-orang lemah, atau khuatir terhadap serangan musuh yang sudah bersiap sedia. Jika jihad menjadi wajib, ia diwajibkan kepada sebahagian orang sahaja. Jihad tidak diwajibkan kepada setiap orang kecuali dalam keadaan tertentu.

Menurut Kadir (2009, h.154-155), terdapat banyak ayat Al-Quran menyarankan jihad. Konsepnya ialah berjihad memerangi golongan musyrik dan kafir. Mereka ini adalah golongan orang bukan Islam. Pada zaman kini, kita dapat lihat suasana pada hari ini menampakkan peranan jihad memerangi golongan kafir seolah-olah tidak terlaksana. Hakikatnya Islam tidak memerangi mana-mana manusia. Islam datang sebagai agama dan rahmat kepada seluruh alam. Jihad dalam Islam luas pengertiannya. Kemuncaknya ialah menyuruh berbuat baik dan mencegah kemungkaran. Jika orang bukan Islam tidak memerangi Islam, Islam tidak menyuruh agar umatnya berjihad memerangi golongan ini.

Ciri-ciri golongan yang dizalimi telah disebutkan di dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya : “Mereka yang dikeluarkan dari tempat kediaman atau negara mereka tanpa hak melainkan mereka hanya berkata bahasa Tuhan kami ialah Allah S.W.T . (Q.S Al-Hajj 22: 40).

Dalam sirah rasul, Nabi Muhammad S.A.W walaupun diperangi tetapi masih bersabar bahkan berdoa agar kaum yang menentanginya diberi hidayah oleh Allah S.W.T. Maka dalam suasana masyarakat pada hari ini, konsep jihad mesti difahami dengan baik dan disuburkan.

Menurut Al-Azhari (2012, h.113-119), paderi Kristian membantah ayat-ayat jihad dan perang dalam Al-Quran. Beliau mengemukakan beberapa ayat berkaitan dengan peperangan dan jihad dan meletakkannya di bawah tajuk “menghalalkan pembunuhan”. Menurut mereka, Al-Quran menggalakkan pembunuhan dan menjadikan sebagai satu perkara halal, malah orang yang melakukannya mendapat pahala. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya: “Wahai Nabi, perangsangkanlah orang-orang yang beriman itu untuk berperang jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari puak musuh yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti”. (Q.S Al-Anfal 8: 65).

Paderi Kristian bukan sahaja membantah ayat-ayat di atas, bahkan menolak dan menyalahkannya. Beliau juga menafikan ayat-ayat di atas sebagai diturunkan daripada Allah, kerana ia menyeru ke arah pembunuhan, pertumpahan darah dan juga perampasan harta benda. Mereka mempersoalkan bagaimana manusia boleh dipaksa menganut satu agama dengan menggunakan kekuatan pedang. Kalau pembunuhan dihalalkan, apakah lagi perkara yang diharamkan. Bagaimana Nabi Muhammad S.A.W boleh menggalakkan orang Islam supaya berperang dan mencerooboh kehormatan bulan haram dan memperlengkapkan kabilah dengan berbagai-bagai kelengkapan peperangan dan pedang bagi membunuh dan merampas harta kemudian berkata ia adalah untuk jalan Allah dan agama. Paderi Kristian menuduh Nabi Muhammad mengumpun para pengikutnya dengan harta rampasan perang dan pengambilan cukai jizyah di dunia, syurga dan juga bidadari yang bermata luas di akhirat. Dan lain-lain lagi soalan yang dikemukakan oleh paderi Kristian yang sekaligus menunjukkan kejahilan mereka tentang tentang kedudukan ayat-ayat tersebut dan sebab-sebab ia diturunkan Allah S.W.T.

Sebenarnya orang-orang Yahudi, Kristian dan golongan-golongan yang memusuhi Islam merasa terkejut dengan kewujudan ayat-ayat jihad dan peperangan dalam Al-Quran, kerana mereka sendiri berusaha daripada awal lagi untuk memerangi prinsip jihad dan peperangan dalam Islam dan berusaha membunuh roh jihad dalam jiwa orang-orang Islam tetapi dalam masa yang sama mereka tidak pula berhenti merancang untuk menyerang negara orang-orang Islam dan mengumpulkan bala tentera untuk memusuhi dan menjajah negara orang-orang Islam itu, seterusnya merampas segala hasil dan menghapuskan agama yang menjadi anutan para penduduknya.

Menurut Hafiz (2003, h.25-26) pandangan Almarhum Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli mengenai jihad adalah mencurah segala tenaga dan keupayaan di dalam memerangi orang kafir dan menahan serangan mereka dengan jiwa, harta dan lisan. Jihad secara syari'i adalah mencurah segala kesungguhan di dalam memerangi orang-orang kafir dan jihad itu dilakukan dengan tangan, harta, lisan dan hati. Selain dari itu, Almarhum Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli

menyebutkan lagi bahawa jihad adalah pengerahan segala kemampuan dan potensi dalam memerangi musuh. Jihad diwajibkan bagi kaum Muslim demi membela agama Allah sama ada secara fizikal ataupun pemikiran.

### **SALAH FAHAM KETIGA: ISLAM MELAKUKAN KEKEJAMAN DENGAN MENGENAKAN HUKUMAN BUNUH TERHADAP ORANG ISLAM YANG MURTAD**

Menurut Bustani (1987, h.330) murtad berasal dari perkataan *riddah* yang bermaksud kembali. Menurut Sabiq (1995, h.300) murtad dari sudut bahasa ialah kembali dari sesuatu kepada sesuatu, manakala dari segi istilah ia merujuk kepada kembali dari agama Islam kepada agama lain sama ada dengan niat, perbuatan atau perkataan.

Oleh itu murtad ialah orang yang kembali kepada kekufuran setelah menerima Islam. Seseorang atau sesuatu kumpulan boleh menjadi murtad dengan mempersekutukan Allah sama ada melalui *iktikad*, ucapan atau perbuatan, mengingkari agama Islam atau satu rukun padanya atau mengingkari satu hukum Islam yang dapat diketahui secara jelas dan sah dan orang yang mengiktikadkan bahawa tidak wajib berhukum dengan hukum yang diturunkan Allah. Dalam jenayah murtad, terdapat dua unsur penting iaitu tindakan keluar daripada agama Islam seperti perbuatan yang boleh membawa syirik ialah sujud kepada selain dari Allah dan mempunyai niat melakukannya dengan sengaja.

Menurut Rosman (2001, h.3) seseorang Muslim dilarang keras keluar daripada Islam (murtad) dan hukuman yang wajib dijatuhkan ke atas orang yang murtad adalah hukum bunuh.

Menurut Al-Azhari (2012, h.245-249), paderi Kristian membantah beberapa ayat dalam Al-Quran yang menyentuh tentang orang yang murtad daripada Islam. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: “Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepadaNya, dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid Al-Haram (di Makkah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati). Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian); dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya)”. (Q.S. Al-Baqarah 2: 217).

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya : “Mereka suka kalau kamu pula menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi kafir, maka (dengan yang demikian) menjadilah kamu sama seperti mereka. Oleh itu, janganlah kamu mengambil (seorang pun) di antara mereka menjadi teman rapat kamu, sehingga mereka berhijrah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam). Kemudian kalau mereka sengaja berpaling ingkar, maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu menemuinya; dan jangan sekali-kali kamu mengambil (seorang pun) di antara mereka menjadi teman rapat atau penolong). (Q.S. An-Nisa’ 4: 89).

Paderi Kristian memahami ayat di atas menghukumkan kufur kepada orang-orang yang beriman yang enggan berhijrah ke Madinah. Beliau menyatakan zahir surah An-Nisa’

membuktikan orang yang murtad daripada Islam dan memeluk agama lain dikira sebagai kufur. Zahir surah An-Nisa' juga membuktikan menurut paderi Kristian orang-orang yang menzahirkan Islam kemudian enggan berhijrah wajib dibunuh menurut Al-Quran di mana saja mereka ditemui seperti juga golongan kafir yang lain.

Penulis membantah pandangan paderi Kristian ini kerana ayat 89 surah An-Nisa' ini adalah tentang orang munafik. Mereka duduk dalam golongan Muslim, tapi sebenarnya mereka menentang Islam. Dulu orang munafik duduk di Madinah tapi kemudian mereka telah berpindah berdekatan kawasan kafir harbi sehingga tidak tahu samada mereka itu orang kafir atau Islam. Orang munafik yang tinggal di Mekah pula tidak mahu berkorban meninggalkan kampung halaman. Golongan inilah yang menjadi perbezaan pendapat di kalangan golongan Mukmin. Ada sahabat mengatakan mereka itu orang kafir dan ada sahabat yang mengatakan mereka itu masih Muslim lagi. Kalau mereka sengaja berpaling dari hijrah, sudah diajak dan disuruh hijrah tapi masih tidak mahu juga, maka bolehlah tangkap mereka. Ini kerana mereka masih berada dalam negara kafir yang menentang Islam. Jadi mereka terlibat dalam usaha meruntuhkan Islam. Dalam ayat ini Allah telah beri kebenaran untuk berperang dengan mereka. Anggap mereka orang kafir sahaja. Dan Allah ingatkan sekali lagi supaya jangan ambil mereka sebagai teman rapat kerana risau akan terpengaruh dengan perangai mereka.

#### **SALAH FAHAM KEEMPAT: ISLAM MELAKUKAN PENINDASAN DENGAN MEMERINTAHKAN HUKUMAN POTONG TANGAN TERHADAP PENCURI LELAKI DAN WANITA**

Menurut Irfan (2013, h.14) dalam hukum Islam, mencuri termasuk dalam satu hukuman hudud kerana secara tegas ia sudah dijelaskan dalam nas-nas Al-Quran dan hadis. Menurut Abdurahman I Doi (1992, h.62) kecurian termasuk dalam cara yang tidak sah dalam mengambil harta orang lain.

Menurut Mardani (2017, h.135) untuk itu kecurian dalam hukum Islam diancam dengan hukuman potong tangan. Hukuman potong tangan didasarkan atas penyelidikan mental dan kejiwaan manusia. Oleh kerana itu hukuman tersebut adalah hukuman yang sesuai dengan perseorangan mahupun untuk masyarakat kerana ia merupakan hukuman paling baik yang boleh mengurangkan bilangan hukuman dan boleh menjamin ketenteraman masyarakat.

Menurut Al-Azhari (2012, h.201-203) Allah S.W.T memerintahkan tangan pencuri lelaki dan perempuan dipotong berdasarkan syarat-syarat yang khusus. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana". (Q.S. Al-Maidah 5: 38).

Paderi Kristian membantah hukum Allah yang terdapat dalam ayat di atas, kerana bagi mereka ia membawa kepada pengangguran dan kecacatan di kalangan masyarakat. Bagi mereka juga perundangan potong tangan yang terdapat dalam Al-Quran bertentangan dengan segala perundangan langit dan undang-undang ciptaan manusia di samping memburukkan nilai kemanusiaan itu sendiri. Ia juga akan membuatkan orang-orang yang dipotong tangan, menjadi beban kepada masyarakat. Mereka akan hidup dalam keadaan menaruh dendam kepada masyarakat. Pemotongan tangan juga akan menyebabkan yang terlibat tidak dapat bekerja

mencari rezeki. Dalam kitab *Al-Milal Wa Al-Nihal* hasil karya Al-Shahrastani menjelaskan pemotongan tangan merupakan hukuman yang diamalkan pada zaman Arab Jahiliyyah.

### **SALAH FAHAM KELIMA: ORANG ISLAM SUKA BERPERANG SESAMA SENDIRI**

Menurut Awang A. H (1992, h.36) peperangan kaum Muslimin jika dilihat dari sudut sifatnya dapat dibahagikan kepada dua jenis atau bentuk iaitu peperangan berbentuk menyerang dan peperangan berbentuk pertahanan. Peperangan berbentuk menyerang adalah peperangan kaum Muslimin secara serangan musuh, bukan kerana diserang oleh musuh terlebih dahulu. Di dalam ini, Rasulullah S.A.W telah menyiapkan pelbagai kelengkapan dan persediaan bagi menghadapi musuh supaya musuh tidak berani lagi menyerang negara Madinah. Peperangan berbentuk pertahanan pula menurut Nor (2008, h.34) adalah peperangan kaum Muslimin untuk melawan musuh kerana diserang terlebih dahulu. Keadaan ini telah mengambil tempoh masa selama empat tahun bermula tahun awal penghijrahan Baginda dan Sahabat.

Menurut Al-Buti (2000, h.315) dalam tempoh ini sistem pertahanan telah diperkuatkan bagi mengelak serangan dan pencerobohan orang kafir dan juga dari kegiatan pengkhianatan orang Yahudi dan Munafik dan bukan didorong atas semangat suka berperang.

Menurut Fadzil (2001, h.195) Rasulullah S.A.W telah melakukan banyak perubahan terhadap budaya peperangan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Arab mahupun bangsa-bangsa yang lain sebelum kedatangan Islam. Perubahan yang paling asas ialah terhadap matlamat atau tujuan peperangan itu sendiri. Kebanyakan bangsa dan masyarakat di dunia ini berperang kerana mengejar matlamat yang bersifat keduniaan. Orang-orang Arab Jahiliyyah pra-Islam selalu berperang semata-mata untuk mencari nama dan kemegahan bagi kaum atau kabilah masing-masing.

Menurut Al-Azhari (2012, h.275-277), Allah S.W.T menganugerahkan kepada orang-orang Islam nikmat perpaduan sesama mereka dan menjadikan mereka sebagai bersaudara tanpa mengira latar belakang dan etnik. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya : “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya”. (Q.S. Al-Imran 3: 103).

Paderi Kristian membantah ayat di atas kerana melihat kepada realiti kehidupan umat Islam. Menurut beliau peperangan dan pertempuran berlaku dengan dahsyat pada zaman pemerintahan Muhammad. Setelah baginda meninggal, Abu Bakar telah memulakan peperangan menentang golongan yang murtad. Setelah kematian Umar, orang-orang Islam menghunus pedang masing-masing bagi menentang saudara sendiri. Umar dan Uthman sendiri menjadi mangsa pembunuhan.

Tidak lama selepas kematian khalifah Uthman, tercetus peperangan Unta di antara A'isyah r.a dengan Ali r.a dan peperangan yang berlaku di antara Ali dengan Mu'awiyah dan juga anaknya Husain. Setelah itu tercetus pula revolusi yang dilakukan oleh Abdullah bin al-Zubir yang mencetuskan peperangan di antara beliau dengan al-Hajjaj di zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan. Begitulah kedudukan orang-orang Arab pada zaman awal Islam, saling berbunuhan antara satu sama lain dan saling menipu dan melakukan konspirasi.

## ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN SERTA ANALISIS TAHAP PERSEDIAAN MAHASISWA UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH DALAM MENGHADAPI SALAH FAHAM ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP ISLAM

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

		<b>F</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	43	54%
	Perempuan	50	46%
<b>Umur</b>	20 hingga 25 tahun	85	91%
	26 hingga 31 tahun	8	9%
	32 hingga 37 tahun	0	0%
	38 tahun dan ke atas	0	0%
<b>Peringkat Pengajian Terdahulu</b>	Asasi	4	4%
	STPM	21	23%
	STAM	36	39%
	Diploma	32	34%

Jadual 1 di atas menunjukkan peratusan latar belakang responden mengikut jantina, umur dan peringkat pengajian terdahulu. Peratusan latar belakang responden mengikut jantina menunjukkan 54% responden lelaki iaitu sejumlah 43 orang responden dan 46% responden perempuan iaitu sejumlah 50 orang responden.

Peratusan latar belakang responden mengikut umur menunjukkan 91% responden yang berumur 20 hingga 25 tahun iaitu sejumlah 85 orang responden, 9% responden yang berumur 26 hingga 31 tahun iaitu sejumlah 8 orang responden, 0% responden yang berumur 32 hingga 37 tahun iaitu sejumlah 0 orang responden dan 0% responden yang berumur 38 tahun dan ke atas iaitu sejumlah 0 orang responden.

Peratusan latar belakang responden mengikut peringkat pengajian terdahulu menunjukkan 4% responden yang bertaraf pendidikan asasi iaitu sejumlah 4 orang responden, 23% responden yang bertaraf pendidikan STPM iaitu sejumlah 21 orang responden, 39% responden yang bertaraf pendidikan STAM iaitu sejumlah 36 orang responden dan 34% responden yang bertaraf pendidikan diploma iaitu sejumlah 32 orang responden.

**Jadual 2: tahap persediaan mahasiswa universiti sultan azlan shah dalam menghadapi salah faham orang bukan islam terhadap islam**

		<b>F</b>	<b>%</b>
<b>Islam Tersebar Dengan Ketajaman Mata Pedang</b>	Membuat penafian dengan melakukan penghujahan	16	18%
	Membuat penafian dengan hujah yang sederhana	3	3%
	Membuat penafian dengan hujah yang lemah	35	39%
	Hanya mengemukakan penafian tanpa hujah	29	32%
	Enggan menjawab	7	8%
<b>Islam Menggalakkan Peperangan Dengan Menyarankan Jihad Menentang Orang Bukan Islam</b>	Membuat penafian dengan melakukan penghujahan	17	18%
	Membuat penafian dengan hujah yang sederhana	6	6%
	Membuat penafian dengan hujah yang lemah	34	37%
	Hanya mengemukakan penafian tanpa hujah	33	36%
	Enggan menjawab	3	3%
<b>Islam Melakukan Kekejaman Dengan Mengenakan Hukuman Bunuh Terhadap Orang Islam Yang Murtad</b>	Membuat penafian dengan melakukan penghujahan	20	22%
	Membuat penafian dengan hujah yang sederhana	7	8%
	Membuat penafian dengan hujah yang lemah	31	33%
	Hanya mengemukakan penafian tanpa hujah	31	33%
	Enggan menjawab	4	4%
<b>Islam Melakukan</b>	Membuat penafian dengan melakukan penghujahan	23	25%
	Membuat penafian dengan hujah yang	11	12%

<b>Penindasan Dengan Memerintahakan Hukuman Potong Tangan Terhadap Pencuri Lelaki Dan Wanita</b>	sederhana		
	Membuat penafian dengan hujah yang lemah	28	30%
	Hanya mengemukakan penafian tanpa hujah	29	31%
	Enggan menjawab	2	2%
<b>Orang Islam Suka Berperang Sesama Sendiri</b>	Membuat penafian dengan melakukan penghujahan	18	19%
	Membuat penafian dengan hujah yang sederhana	9	10%
	Membuat penafian dengan hujah yang lemah	29	31%
	Hanya mengemukakan penafian tanpa hujah	30	32%
	Enggan menjawab	7	8%

Jadual 2 di atas menunjukkan peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan Islam tersebar dengan ketajaman mata pedang, Islam menggalakkan peperangan dengan menyarankan jihad menentang orang bukan Islam, Islam melakukan kekejaman dengan mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad, Islam melakukan penindasan dengan memerintahkan hukuman potong tangan terhadap pencuri lelaki dan wanita dan orang Islam suka berperang sesama sendiri.

Peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan Islam tersebar dengan ketajaman mata pedang menunjukkan 18% responden yang membuat penafian dengan melakukan penghujahan iaitu sejumlah 16 orang responden, 3% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana iaitu sejumlah 3 orang responden, 39% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah iaitu sejumlah 35 orang responden, 32% responden yang hanya mengemukakan penafian tanpa hujah iaitu sejumlah 29 orang responden dan 8% responden yang enggan menjawab iaitu sejumlah 7 orang responden.

Peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan Islam menggalakkan peperangan dengan menyarankan jihad menentang orang bukan Islam menunjukkan 18% responden yang membuat penafian dengan melakukan penghujahan iaitu sejumlah 17 orang responden, 6% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana iaitu sejumlah 6 orang responden, 37% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah iaitu sejumlah 34 orang responden, 36% responden yang hanya mengemukakan penafian tanpa hujah iaitu sejumlah 33 orang responden dan 3% responden yang enggan menjawab iaitu sejumlah 3 orang responden.

Peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan Islam melakukan kekejaman dengan mengenakan hukuman bunuh terhadap



orang Islam yang murtad menunjukkan 22% responden yang membuat penafian dengan melakukan penghujahan iaitu sejumlah 20 orang responden, 8% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana iaitu sejumlah 7 orang responden, 33% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah iaitu sejumlah 31 orang responden, 33% responden yang hanya mengemukakan penafian tanpa hujah iaitu sejumlah 31 orang responden dan 4% responden yang enggan menjawab iaitu sejumlah 4 orang responden.

Peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan Islam melakukan penindasan dengan memerintahkan hukuman potong tangan terhadap pencuri lelaki dan wanita menunjukkan 25% responden yang membuat penafian dengan melakukan penghujahan iaitu sejumlah 23 orang responden, 12% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana iaitu sejumlah 11 orang responden, 30% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah iaitu sejumlah 28 orang responden, 31% responden yang hanya mengemukakan penafian tanpa hujah iaitu sejumlah 29 orang responden dan 2% responden yang enggan menjawab iaitu sejumlah 2 orang responden.

Peratusan analisis tahap persediaan mahasiswa dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam berkaitan orang Islam suka berperang sesama sendiri menunjukkan 19% responden yang membuat penafian dengan melakukan penghujahan iaitu sejumlah 18 orang responden, 10% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang sederhana iaitu sejumlah 9 orang responden, 31% responden yang membuat penafian dengan menggunakan hujah yang lemah iaitu sejumlah 29 orang responden, 32% responden yang hanya mengemukakan penafian tanpa hujah iaitu sejumlah 30 orang responden dan 8% responden yang enggan menjawab iaitu sejumlah 7 orang responden.

Di antara punca-punca ketidaksediaan responden dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam ini ialah latarbelakang akademik responden yang kurang cemerlang. Ada sesetengah responden hanya mahu lulus subjek di universiti akan tetapi tidak mahu mempraktikkan apa yang dipelajari. Justeru, responden hendaklah sentiasa bersedia dalam memantapkan ilmu pengetahuan yang lain.

Selain itu, punca ketidaksediaan responden dalam menghadapi salah faham orang bukan Islam ialah responden kurang melibatkan diri kepada aktiviti dakwah luar kampus seperti aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh NGO-NGO Islam kepada orang bukan Islam. Kekangan waktu belajar menjadi punca responden tidak dapat melibatkan diri dengan aktiviti dakwah luar. Jika seseorang responden pernah melibatkan diri dalam aktiviti dakwah, kesukaran responden bagi menjawab soalan berkaitan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam akan dapat diatasi.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan sesi temubual yang telah dijalankan, dapatlah penulis ringkaskan di sini bahawa tahap persediaan mahasiswa Universiti Sultan Azlan Shah adalah masih rendah berdasarkan pengukuran, akan tetapi terdapat sebilangan mahasiswa yang berjaya menjawab sesi temubual dengan jayanya. Mereka sebagai mahasiswa terutamanya yang mengambil pengkhususan agama sepatutnya lebih bersedia dalam menjawab sebarang persoalan berkaitan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam. Sekiranya mahasiswa pengkhususan agama tidak bersedia dalam menjawab sebarang persoalan berkaitan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam, maka rujukan tentang Islam akan menjadi sukar bagi orang bukan Islam sekiranya wujud salah faham daripada mereka. Di antara cadangan untuk penambahbaikan ialah membuat kursus intensif dakwah khusus untuk mereka yang ingin mendalami bidang dakwah kepada orang bukan Islam dan juga mengadakan praktikal bagi pelajar yang mengambil subjek dakwah.

**RUJUKAN**

- Abd. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Hadi Awang. (1992). *Fiqh al-harakah*. Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar Sdn. Bhd.
- Abdurahman I Doi. (1992). *Tindak pidana dalam syariat Islam*. Jakarta, Indonesia: Rineka Cipta.
- Ahmad Adnan Fadzil dan Riduan Mohd Nor. (2008). *Peperangan Rasulullah S.A.W*. Kuala Lumpur: Jundi Resources Sdn. Bhd.
- Ahmad Adnan Fadzil. (2001). *Jihad peperangan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada Sdn. Bhd.
- Al-Azhari, Basri Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari dan Rohaizan Baru. (2012). *Menjawab tuduhan paderi Kristian terhadap Al-Quran*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah Publication House of Publishers Sdn. Bhd.
- Arief Salleh Rosman. (2001). *Murtad menurut perundangan Islam*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azyumardi Azra. (2010). *Fiqh jihad sebuah karya monumental terlengkap tentang jihad menurut Al-Quran dan Sunnah*. Bandung, Indonesia: Mizan Media Utama (MMU).
- Buerah Tunggak, Shahrin Hashim, Nur Afzan Mohamad & Maznah Ali. (2015). *Faktor risiko belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan belia Muslim terpimpin*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bustani (trans). (1987). *Muhit al-muhit*. Beirut, Lubnan: Maktabat Lubnan.
- Daryle W. Morgan dan Robert V. Krejcie (trans). (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and psychological measurement*, 30, 607-610.
- Ibn Jarir (trans). (1405 H). *Tafsir Ibn Jarir Al-Tabari*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Fikr.
- Ibn Jawzi (trans). (1404 H). *Tafsir Ibn Al-Jawzi*. Beirut, Lubnan: Al-Maktab Al-Islami.
- Imam Barnadib. (1982). *Erti dan metod sejarah pendidikan*. Yogyakarta, Indonesia: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Koentjaraningrat. (1977). *Metode-metode penelitian masyarakat*. Jakarta, Indonesia: P.T Gramedia.
- Louay Safi. (1998). *Asas-asas imu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought & Thinker's Library.
- Lukman Arake. (2012). Pendekatan hukum Islam terhadap jihad dan terorisme. *Studi keislaman*, 204.
- M. Nurul Irfan. (2013). *Korupsi dalam hukum pidana Islam*. Jakarta, Indonesia: Amzah.
- M.Q Patton (trans). (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. London: Sage Publications.
- Mardani. (2017). *Kejahatan pencurian dalam hukum pidana Islam menuju pelaksanaan hukuman potong tangan di Nagroe Aceh Darussalam*. Jakarta, Indonesia: Indhill CO.
- Mohammad Nizam Abdul Kadir. (2009). *Fiqh berinteraksi dengan non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Shaffi Abu Bakar. (1987). *Metodologi penyelidikan*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali. (1982). *Penelitian pendidikan prosedur dan strategi*. Bandung, Indonesia: Angkasa.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti. (2000). *Fiqh sirah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Hajar Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusuf Khalid, Panji Hidayat Mazhisham, Nur Husna Mohammad Hussain, Ahmad Najaa' Haji Mokhtar, Khairunneezam Mohd Noor dan Muhammad Zaki Mustafa

- (2015). The Role of Islamic Propagation Society International (IPSI) and its implementation of interfaith dialogue in mosque Penang, Malaysia. *Jurnal Al-'Abqari*, 6, 117.
- Noor Nirwandy Mat Noordin. (2017). The significant impact of Muslim's identity through big data and information overload in the new media. *Jurnal al-'Abqari*, 12, 11-23.
- R.B Burn (trans). (1995). *Introduction to research methods*. Melbourne, Australia: Longman.
- R.K Yin (trans). (1994). *Case study research: Design and methods*. California, Amerika Syarikat: Sage.
- S.B Merriem (trans). (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, Amerika Syarikat: Jossey-Bass.
- Sayid Sabiq (trans). (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Fikr.
- Shaik Abdullah. (2017). *Pengajian Islam*. Pulau Pinang: Simple Book Production.

